

TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA
PERASMIAN SIDANG PERTAMA / KETIGA
ISTIADAT KONVOKESYEN KE-15 POLITEKNIK MERLIMAU

PADA 5 & 6 MAC 2016 (SABTU & AHAD), JAM: 8.45 PAGI
DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T. Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat Tepat Cepat.

Terima kasih kepada saudara/ saudari pengacara majlis.

YBHG. PENOLONG PESURUHJAYA KANAN RELA (BERSEKUTU)
ZOLKARNAIN BIN HJ. JOBSHI
Pengarah Politeknik Merlimau;

YBRS. ENCIK MOHD AS'RI BIN CHIK
Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Merlimau;

YBRS. TUAN HJ. ABD AZIZ BIN TALIB
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik Merlimau;

KETUA-KETUA JABATAN, NEGERI DAN PERSEKUTUAN;

KETUA-KETUA JABATAN, KETUA-KETUA UNIT, KETUA-KETUA
PROGRAM POLITEKNIK MERLIMAU;

AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT POLITEKNIK MERLIMAU,
WAKIL-WAKIL PENGARAH SYARIKAT;

PARA IBU BAPA, AHLI-AHLI KELUARGA GRADUAN SERTA GRADUAN YANG DIRAIKAN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi dengan izin dan keberkatan-Nya dapat kita berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna bersempena dengan Istiadat Konvokesyen Politeknik Merlimau yang Ke-15 bagi **Sidang Pertama / Ketiga** pada pagi ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah menjemput saya untuk bersama-sama berada dalam majlis yang amat bermakna ini. Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Politeknik Merlimau kerana berjaya untuk melaksanakan Istiadat Konvokesyen Ke-15 ini dengan gilang-gemilang dan penuh istiadat.

2. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada para graduan pada pagi ini. Sesungguhnya anda semua telah berjaya menghadapi segala bentuk cabaran dan menempuh jerit-perih alam pembelajaran sepanjang tempoh pengajian saudara dan saudari di sini. Saya percaya sepanjang tempoh tersebut, para graduan telah memperolehi segala ilmu, pengalaman dan kemahiran yang diperlukan dalam pelbagai aspek untuk bidang yang diceburi. Perubahan perspektif minda dan anjakan paradigma yang lebih positif diharapkan akan dapat untuk meningkatkan keyakinan diri para graduan sekalian dan seterusnya akan bersiap-siaga untuk menghadapi alam pekerjaan dalam memacu transformasi pembangunan negara ini.

3. Sekalung ucapan syabas dan tahniah turut diucapkan kepada semua ibu bapa yang hadir bagi meraikan kejayaan anak masing-masing. Hari ini adalah detik yang membuktikan bahawa segala usaha, pengorbanan serta penat lelah bersama yang dicurahkan bagi mencipta kejayaan ini telah mula menunjukkan hasilnya. Kepada para graduan, pengorbanan ibu bapa janganlah kita lupakan sehingga ke penghujung hayat kita. Gunakanlah kejayaan yang diperolehi pada hari ini untuk membalas segala jasa dan pengorbanan yang telah mereka berikan selama ini.

4. Tidak ketinggalan juga, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga pendidik Politeknik Merlimau atas komitmen yang

jitu sehingga telah menjadikan institusi ini untuk terus lebih kompetitif dalam menyumbang ke arah pembangunan anak bangsa. Semoga usaha murni dan ikhlas tuan-tuan dan puan-puan semua akan mendapat balasan yang sewajarnya daripada Allah S.W.T.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam melahirkan graduan yang berjaya, saya percaya pihak Politeknik Merlimau telah menitikberatkan nilai-nilai insan yang murni dan juga memperkasakan budaya kualiti yang menjadi elemen penting untuk diaplikasikan oleh semua pihak. Ini adalah kerana dimensi kualiti adalah merupakan penanda aras terhadap kecemerlangan akademik serta pencapaian-pencapaian yang lain dan ini jelas dapat dilihat melalui penganjuran majlis pada pagi ini. Saya percaya melalui penganjuran Istiadat Konvokesyen sebegini yang diadakan pada saban tahun, ianya telah membuktikan bahawa peranan Politeknik Merlimau sebagai salah sebuah Politeknik di Malaysia yang memainkan peranan yang signifikan untuk melahirkan tenaga kerja dalam bidang teknikal yang kini amat diperlukan oleh negara.

6. Sebagai orang muda dan golongan yang akan membentuk hala tuju negara pada masa hadapan, peranan anda semua akan menentukan jatuh dan bangunnya negara kita yang tercinta ini. Golongan muda acapkali diingatkan agar tidak membiarkan pihak lain berfikir bagi pihak mereka dan seterusnya menerima apa sahaja yang disogokkan kepada mereka tanpa menilai atau melihat kesannya bagi sesuatu pendapat yang diluahkan. Kebebasan yang diberikan kepada golongan muda dan mahasiswa diharapkan untuk tidak disalahguna dan ia seharusnya diberikan dengan rasa hormat dan penuh tanggungjawab.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Majlis penganugerahan diploma pada hari ini adalah merupakan satu acara yang cukup bermakna dan mempunyai erti yang besar terhadap pembangunan diri graduan sekalian dalam memainkan peranan sebagai anak bangsa Malaysia yang berpendidikan dan berpengetahuan. Sesungguhnya, kejayaan negara pada masa hadapan

amat bergantung kepada modal insan yang berkemahiran tinggi yang akan dapat membantu untuk menjana pendapatan tinggi kepada negara. Modal insan amatlah diperlukan dalam mewujudkan kumpulan tenaga kerja yang lebih holistik dan komprehensif. Saya percaya pendidikan serta latihan vokasional dan teknik merupakan laluan utama dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi yang akan menjadi penyumbang kepada penjanaan kekayaan baru untuk negara ini.

8. Justeru, kita semua dapat melihat bahawa peranan Politeknik Merlimau sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang bertanggungjawab untuk melahirkan lebih ramai tenaga muda yang berpotensi bagi menceburi bidang latihan berteraskan kemahiran tinggi dan sekali gus meningkatkan daya saing negara untuk menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompetitif. Sistem pengajian Politeknik yang dibangunkan perlulah mengikut keperluan industri bagi meletakkan graduan Politeknik sebagai tulang belakang dan peneraju kepada tenaga kerja, khususnya dalam kemahiran teknikal sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan dalam negara. Saya amat berharap para graduan yang berada di dalam dewan ini telah bersedia untuk bersaing dalam alam pekerjaan kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Melalui ucapan oleh Tuan Pengarah sebentar tadi, kita telah dapat mendengar pencapaian serta kejayaan terkini yang telah dicapai oleh Politeknik Merlimau. Pada kesempatan yang sama, saya mengucapkan tahniah atas semua kejayaan tersebut dan saya percaya Politeknik Merlimau kini berada pada landasannya yang tersendiri dalam mengorak langkah untuk membangunkan modal insan bagi memenuhi agenda negara yang sentiasa memberi penekanan terhadap aspek inovasi dan kreativiti.

10. Saya akan terus mendoakan agar Politeknik Merlimau untuk terus cemerlang dalam persada pendidikan negara dan juga di peringkat antarabangsa. Dalam usia 14 tahun penubuhannya, saya percaya Politeknik Merlimau akan terus memberi sumbangan yang besar, bukan

sahaja kepada warga kampusnya malahan kepada pembangunan pengajian tinggi negara.

11. Untuk para graduan sekalian, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah atas penganugerahan diploma pada Istiadat Konvokesyen Ke-15 ini dan saya mendoakan semoga saudara dan saudari sekalian akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini.

12. Dengan pengharapan tersebut dan lafaz *Bismillahirrahmannirahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sidang Pertama / Ketiga** Istiadat Konvokesyen Politeknik Merlimau yang Ke-15 ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.